

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan takaful keluarga anda.

Tarikh: 23/12/2025

Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

1 Apa itu Pos Tenang PTV?

Pos Tenang merupakan pelan takaful keluarga kelompok yang boleh diperbaharui setiap tahun, direka untuk menyediakan perlindungan takaful kepada anda semasa tempoh perlindungan jika berlaku kematian dan pembayaran balik perubatan akibat kemalangan.

Konsep-konsep Syariah yang diguna pakai

Tabarru'	Pelan ini menggunakan konsep Tabarru' (derma), di mana peserta menyumbangkan sebahagian daripada sumbangan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) untuk memberikan bantuan bersama kepada peserta yang memerlukan.
Wakalah	Pelan ini menggunakan konsep Wakalah (agen), di mana peserta melantik Kami untuk mengurus dan melabur Dana Risiko Peserta (DRP), dengan yuran Wakalah ditolak daripada setiap sumbangan. Peserta juga membenarkan Kami mendelegasikan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada pihak ketiga jika perlu, sementara Kami kekal bertanggungjawab sepenuhnya kepada peserta.
Dana Risiko Peserta (DRP)	Selepas menolak yuran Wakalah, sumbangan diagihkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Sekiranya terdapat sebarang lebihan daripada Dana Risiko Peserta pada akhir setiap tahun kewangan Takaful sepadan dengan Sijil Induk, lebihan tersebut akan dikekalkan dalam Dana Risiko Peserta. Jika berlaku defisit dalam Dana Risiko Peserta, defisit tersebut akan ditampung oleh lebihan yang telah disimpan. Sekiranya Dana Risiko Peserta masih lagi dalam defisit, pinjaman tanpa faedah (Qard Hassan) akan dibuat dimana pinjaman tersebut akan dibayar/dibiayai oleh lebihan daripada Dana Risiko Peserta yang diperolehi pada masa hadapan.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, Orang Yang Dilindungi akan menerima perlindungan/manfaat takaful keluarga berikut.		
1	Kematian	Apabila Orang yang Dilindungi meninggal dunia, sebelum berakhirnya tempoh perlindungan, Manfaat Kematian akan dibayar dengan sekali gus.
Manfaat Tambahan		
1	Pembayaran Balik Perubatan Akibat Kemalangan	Apabila bukti bahawa Orang Yang Dilindungi telah mengalami kecederaan telah diterima dan disahkan, Pengendali Takaful akan membayar balik perbelanjaan untuk perubatan, hospital dan rawatan atau servis pembedahan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut: a) Amaun yang dibayar untuk manfaat ini, bersama-sama pembayaran balik perbelanjaan daripada sumber-sumber yang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada Syarikat Insurans/ Pengendali Takaful lain dan peruntukan manfaat pekerja mestilah tidak lebih daripada perbelanjaan sebenar untuk tuntutan berkenaan, tertakluk kepada Jumlah yang Dilindungi maksimum untuk Manfaat Pembayaran Balik Perubatan Akibat Kemalangan. b) Pembayaran balik untuk manfaat ini hanya akan dibayar sekiranya perbelanjaan-perbelanjaan tersebut berlaku dalam tempoh dua puluh enam (26) minggu dari tarikh kemalangan berlaku, dengan syarat perbelanjaan pertama

Nota: Sila rujuk kepada sebut harga and sijil untuk butiran tentang jumlah yang dilindungi/manfaat yang dibayar.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa Family Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Manfaat Pembayaran Balik Perubatan Akibat Kemalangan tidak melindungi tuntutan yang terjadi atau disebabkan secara langsung atau tidak langsung seperti berikut:

- Penglibatan dalam perbuatan jenayah, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, peperangan (sama ada yang diisytiharkan atau tidak), revolusi atau apa-apa operasi perang, tindakan musuh asing, apa-apa tindakan pengganas dan perang kimia;
- Kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri atau cubaan membunuh diri, kecuali dijamin secara tidak siuman.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda boleh merujuk kepada sijil takaful dan kontrak tambahan, jika ada, untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:

 Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Online)	 Lawati kami di laman web ini ¹	 E-mel kami di info@etiqa.com.my	 Imbas kod QR
--	--	---	---

¹ <https://www.etiqa.com.my/corporates/employee-benefits>

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda mesti membayar sumbangan sebanyak:	
Sumbangan	<i>RM 50.00 (untuk perlindungan selama satu tahun)</i>
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:	
Duti Setem	<i>RM 10.00 untuk sijil induk sahaja</i>
Cukai Jualan & Perkhidmatan 8%	<i>Tidak berkenaan</i>
Fi Wakalah	<i>30% daripada sumbangan atau RM 15.00 (termasuk dalam sumbangan)</i>
Komisen	<i>10% daripada sumbangan atau RM 5.00 (termasuk dalam sumbangan)</i>
Caj-caj lain yang dikenakan	<i>Tidak berkenaan</i>

4 Syarat Utama Lain

1) Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pengalaman tuntutan terdahulu, keadaan perubatan dan menyatakan umur orang yang dilindungi dengan betul. Jika tidak, ia akan mengakibatkan pembatalan sijil, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat-syarat sijil induk diubah. 2) Kelayakan masuk adalah daripada umur 21 hingga 45 tahun hari lahir berikutnya. Umur tamat tempoh maksima adalah 46 tahun hari lahir berikutnya. 3) Tempoh perlindungan adalah untuk 1 tahun, diperbaharui setiap tahun (tertakluk kepada terma pembaharuan). 4) Anda diberi tempoh tangguh selama 60 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar. Jika kami tidak menerima sumbangan anda di akhir tempoh tangguh, sijil anda akan menjadi luput 5) Kami berhak untuk mengubah terma dan peruntukan di dalam sijil ini pada mana-mana tarikh pembaharuan sijil. 6) Anda harus memastikan bahawa pelan tersebut memenuhi keperluan Anda dan Anda mampu membayar sumbangan.	
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Anda boleh merujuk kepada sijil untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.	

5 Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan mengembalikan sijil takaful tersebut dalam tempoh lima belas (15) hari selepas sijil takaful ini telah diterima oleh anda. Sumbangan dan fi-fi dan caj-caj lain yang ditelaah dibayar akan dipulangkan kepada anda.
- **Selepas Tempoh Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil takaful anda atau perlindungan takaful anda ke atas mana-mana ahli yang dilindungi dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada 30 hari. Anda akan tetap bertanggungjawab untuk membayar sumbangan penuh untuk perlindungan takaful yang telah disediakan sebelum tarikh pembatalan.